

'NASIONALISME BAWA

NIKMAT KEPADA PELAJAR'

Oleh SAAD HASHIM

LONDON, Rabu — Setengah penuntut Malaysia, terutama sekali penuntut Melayu, yang mula mempertikaikan nasionalisme patut sedar bahawa nasionalismelah yang membawa nikmat dan faedah belajar yang mereka nikmati sekarang.

Demikian kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hi-

tam, ketika berucap di satu majlis berhari raya di Dewan Malaysia di sini, semalam.

Beliau lalu mengingatkan penuntut-penuntut itu bahawa Malaysia dengan keadaannya yang luar biasa tidak boleh disamakan dengan negara-negara lain.

"Malaysia ialah Malaysia. Malaysia bukan United Kingdom, bukan Amerika Syarikat, bukan

Arab Saudi, bukan Pakistan, bukan New Zealand dan bukan Libya, Iran, Iraq atau Indonesia. Malaysia ialah Malaysia dengan keistimewaan-keistimewaan dan keadaan-keadaan yang begitu kompleks," kata Datuk Musa.

"Kepada muda-mudi, saya ingin mengingatkan, satu dari rahsia kejayaan kita setakat ini ialah semangat nasionalisme," tambahnya.

Timbalan Perdana Menteri berkata: "Ada yang menyatakan nasionalisme bertentangan dengan berbagai-bagai konsep, sama ada konsep keagamaan ataupun teori, di segi politik antarabangsa.

"Saya pasti teori antarabangsa yang berbeza dengan teori nasionalisme tidak boleh dipraktikkan. Umpamanya, satu konsep antarabangsa yang kononnya pasti boleh menakluki dunia ialah komunisme.

"Akhirnya, apa yang terjadi ialah komunisme sendiri sedang dalam kucar-kacir di seluruh dunia."

Pelopor

Sementara itu, Datuk Musa menyuarakan kebimbangannya kerana katanya, beliau mengetahui bahawa hubungan di kalangan penuntut-penuntut Malaysia di London dari berbagai bangsa tidak begitu rapat.

"Atas semangat nasionalismelah pelopor-pelopor kita berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan," katanya.

Kata Datuk Musa lagi, pada mulanya tidak ada seorangpun boleh menafikan bahawa nasionalisme di Malaysia didahului oleh orang-orang Melayu, iaitu parti Umno, yang diterima waktu itu sebagai wakil orang-orang Melayu.

"Dengan kesedaran politik mereka, pemimpin-pemimpin Melayu ini memperjuangkan kemerdekaan.

"Nasionalisme yang dipelopori oleh orang-orang Melayu itu kemudiannya diperluaskan bagi meliputi rakyat keturunan Cina dan India dan selepas itu, Malaysia ditubuhkan serta diperluaskan kepada rakyat jelata di Sabah dan Sarawak.

"Atas asas itulah kita dapat membina, membangun dan menjayakan negara kita setakat ini."



● DATUK Musa Hitam (kiri) sedang menerima Ijazah Kehormat Undang-Undang dari Pro Censelor Kanan Universiti Sussex.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia